

PK-MERZ TABLET

Amantadine Sulphate (100mg)

Apakah yang ada pada risalah ini:

1. Apakah kegunaan PK-Merz Tablet
2. Bagaimana PK-Merz Tablet berfungsi
3. Sebelum mengambil PK-Merz Tablet
4. Cara mengambil PK-Merz Tablet
5. Semasa mengambil PK-Merz Tablet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan PK-Merz Tablet
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan PK-Merz Tablet

PK-Merz Tablet digunakan untuk mengurangkan simptom penyakit Parkinson seperti tangan dan kaki menjadi keras atau kaku, menggeletar, dan gangguan pada pergerakan.

Bagaimana PK-Merz Tablet berfungsi

PK-Merz Tablet mengandungi amantadine sulfat yang melegakan simptom Parkinson dengan meningkatkan paras bahan kimia tertentu yang menghantar impuls dalam sistem saraf, termasuk otak.

Sebelum mengambil PK-Merz Tablet

- Bila tidak boleh mengambil

Jangan ambil ubat ini jika anda:

- mempunyai alahan terhadap amantadine, pewarna atau mana-mana bahan lain yang terkandung dalam ubat ini (disenaraikan dalam Maklumat lanjut),
- mempunyai masalah jantung, atau masalah ritma jantung, atau mempunyai ahli keluarga dengan sejarah penyakit jantung,
- mengambil budipine atau mana-mana ubat yang boleh menyebabkan gangguan pada ritma jantung,
- mempunyai penyakit buah pinggang yang teruk,
- mempunyai tahap kalium atau magnesium yang rendah dalam darah.

- Sebelum mengambil PK-Merz Tablet

Beritahu doktor jika anda mempunyai keadaan berikut:

- pembesaran kelenjar prostat
- peningkatan tekanan dalam mata, contohnya glaukoma
- masalah buah pinggang
- rasa gelisah, keliru dan gangguan mental yang serius
- menghidap penyakit sawan
- memakai alat perentak jantung
- mengalami masalah membuang air kecil
- mengambil ubat untuk influenza A (jangkitan virus)
- mempunyai risiko kehilangan elektrolit seperti kalium dan magnesium (contoh muntah/ cirit-birit atau penggunaan diuretik)

PK-Merz Tablet tidak sesuai digunakan dalam golongan kanak-kanak.

Mengandung dan menyusukan anak:

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi jika anda mengandung, merancang untuk mengandung atau sedang menyusukan anak sebelum mengambil ubat ini.

PK-Merz Tablet hanya boleh diambil ketika mengandung sekiranya manfaat ubat ini adalah melebihi risiko terhadap janin. Sekiranya anda mengambil ubat ini semasa trimester pertama, imbasan ultrabunyi disyorkan untuk memantau kesihatan bayi.

Amantadine dirembeskan ke dalam susu ibu dan disebabkan risiko kesan sampingan kepada bayi, ubat ini hanya boleh diambil jika manfaatnya melebihi risikonya. Pantau bayi anda sekiranya terdapat ruam, kesukaran membuang air kecil atau muntah. Hentikan penyusuan dan dapatkan perhatian perubatan segera jika ini berlaku.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor jika anda mengambil:

- quinidine, disopyramide, procainamide, amiodarone, sotalol (digunakan untuk ritma jantung yang tidak teratur),
- thioridazine, chlorpromazine, haloperidol, pimozide (digunakan untuk gangguan mental),

- amitriptyline (digunakan untuk kemurungan),
- astemizole, terfenadine (digunakan untuk alahan),
- erythromycin, clarithromycin, sparfloxacin, co-trimoxazole (antibiotik),
- pentamidine (digunakan untuk jangkitan kulat),
- halofantrine (antimalaria),
- cisapride (digunakan untuk masalah penghadaman),
- bepridil (digunakan untuk masalah jantung).

Ubat-ubat lain, termasuklah:

- levodopa, bromocriptine, trihexyphenidyl, budipine (ubat anti-parkinson),
- trihexyphenidyl, benztropine, scopolamine, biperiden, orphenadrine (digunakan untuk mengurangkan kekejangan otot atau merawat simptom Parkinson),
- ubat-ubatan yang merangsang sistem saraf,
- memantine (digunakan untuk dementia),
- kombinasi triamterene/hydrochlorothiazide (diuretik).

Beritahu doktor jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan.

Cara mengambil PK-Merz Tablet

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza daripada maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- Berapa banyak harus diambil

Dewasa:

Dos dan jangka masa rawatan yang diperlukan bergantung pada jenis dan tahap simptom serta akan ditentukan oleh doktor anda.

Dos permulaan:

Mulakan dengan satu tablet sehari pada 4 - 7 hari pertama. Tambahkan satu tablet setiap minggu sehingga mencapai dos sesuai yang ditentukan oleh doktor anda.

PK-MERZ TABLET

Amantadine Sulphate (100mg)

Warga tua:

Doktor akan memulakan dengan dos yang lebih rendah, terutamanya jika anda pernah mempunyai simptom kegelisahan atau kekeliruan.

Pesakit yang mempunyai penyakit buah pinggang:

Doktor anda akan menentukan dos yang sesuai bergantung kepada fungsi buah pinggang anda.

Kanak-kanak:

Tidak sesuai digunakan dalam golongan kanak-kanak.

- Bila perlu diambil

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda. Ambil ubat dengan air, sebaiknya pada waktu pagi dan petang. Elakkan mengambil ubat ini selepas pukul 4 petang supaya tidak mengganggu tidur.

- Berapa lama perlu diambil

Ambil ubat ini mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda. Hanya doktor anda yang boleh memberhentikan rawatan. Menghentikan rawatan secara tiba-tiba boleh menyebabkan simptom semakin teruk.

- Jika terlupa mengambil

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan mengambil ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal

- Jika mengambil berlebihan (terlebi dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika dos berlebihan telah diambil. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Pengambilan ubat ini secara berlebihan mungkin menyebabkan rasa loya, muntah, rasa gelisah atau teruja, menggeletar, susah mengawal pergerakan atau keseimbangan, penglihatan kabur, mengantuk atau penat, kemurungan, kesukaran bertutur, sawan, kekeliruan atau

halusinasi (melihat atau mendengar perkara yang tidak berlaku) dan ritma jantung tidak teratur (simptom yang jarang berlaku tetapi serius).

Semasa mengambil PK-Merz Tablet

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi, dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang mengambil PK-Merz Tablet.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa mengambil ubat ini.

Ambil PK-Merz Tablet hanya dengan preskripsi doktor.

Dapatkan nasihat perubatan jika terdapat sebarang tanda pemikiran atau tingkah laku membunuh diri.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat ini atau mengurangkan dos tanpa memberitahu doktor anda terlebih dahulu.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berikan PK-Merz Tablet kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

Jangan mengambil alkohol ketika mengambil PK-Merz Tablet.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Jika anda mengalami simptom seperti jantung berdebar, pening atau pingsan, berhenti mengambil PK-Merz Tablet dan hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan di hospital terdekat.

Doktor anda mungkin akan melakukan pemantauan jantung melalui ECG berkala semasa anda mengambil ubat ini.

Memandu dan menggunakan jentera

Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau

mengendalikan jentera. Jika ubat ini memberi kesan pada penglihatan, menyebabkan anda menggeletar, sukar untuk mengawal pergerakan, pening atau letih, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, PK-Merz Tablet boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

Kesan sampingan biasa:

- pening
- sukar tidur
- kegelisahan atau kegusaran (terutamanya bagi warga tua)
- loya dan mulut kering
- kulit berurat-urat (berwarna biru & merah) dan kadang-kala diiringi dengan bengkak pada bahagian bawah dan pergelangan kaki
- masalah kencing (terutamanya lelaki yang mempunyai masalah prostat)
- tekanan darah rendah ketika berdiri, menyebabkan pening
- perubahan mental (kekeliruan, halusinasi, paranoia, terutamanya dalam pesakit yang mengambil ubat Parkinson yang lain)

Kesan sampingan tidak biasa:

- penglihatan kabur

Kesan sampingan jarang:

- masalah kornea (masalah mata seperti kabur atau penglihatan kurang jelas)

Kesan sampingan sangat jarang:

- gangguan darah (kurang sel darah putih atau platlet, boleh meningkatkan risiko jangkitan atau berdarah)
- masalah jantung atau ritma jantung tidak teratur
- sawan (selalunya apabila mengambil dos yang tinggi)
- kehilangan penglihatan (bersifat sementara atau lebih sensitif terhadap cahaya)

Kesan sampingan yang tidak diketahui kekerapannya

- masalah kawalan diri (sikap yang tidak biasa dilakukan seperti dorongan nafsu membeli belah,

PK-MERZ TABLET

Amantadine Sulphate (100mg)

judi, makan secara berlebihan, atau rangsangan seksual)

- alahan (terutamanya disebabkan oleh pewarna dalam tablet)

Seandainya anda mengalami sebarang kesan sampingan, maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda. Ini termasuk kemungkinan kesan sampingan yang tidak disenaraikan dalam risalah ini.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan PK-Merz Tablet

- Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

Simpan di bawah suhu 25°C.

Jangan ambil PK-Merz Tablet selepas tarikh luput yang tertera pada pek bungkusan.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Tablet dwicembung, bersalut filem dengan garis belahan di satu sisi.

- Bahan-bahan kandungan:

- Bahan aktif
Amantadine Sulphate
100mg
- Bahan tidak aktif
Colloidal anhydrous silica,
yellow orange lacquer (E 110),
titanium dioxide (E 171), gelatin,

lactose monohydrate, potato starch, butylmethacrylat-(2-dimethyl-aminoethyl)-methacrylat-methyl-methacrylat-copolymer (1:2:1), talc, croscarmellose sodium, microcrystalline cellulose, povidone, magnesium stearate.

- Nombor MAL

MAL19860850ARZ

Pengilang

Merz Pharma GmbH & Co. KGaA
Ludwigstraße 22,
64354 Reinheim, Germany.

Pemegang Pendaftaran Produk

Summit Company (Malaysia) Sdn.
Bhd.
Lot 6, Jalan 19/1,
46300 Petaling Jaya,
Selangor, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

31/10/2025

Nombor siri

NPRA(R4/1)210225/00015